

# Rumah: MT mahu proses kelulusan dipercepat

BH 7 APR 1986

KUALA LUMPUR, Ahad — Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bersidang hari ini mahu Kerajaan-Kerajaan Negeri mempercepatkan proses kelulusan tanah bagi menjayakan program khas perumahan kos rendah kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, berkata pendirian ini diambil oleh Majlis Tertinggi ketika membincangkan pelbagai masalah ekonomi negara sekarang.

Menurutnya, salah satu faktor yang menyebabkan harga rumah dan bangunan mahal ialah harga tanah.

"Kadang-kadang proses meluluskan tanah mengambil masa yang panjang hingga menyebabkan kos tanggungan meningkat," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kerajaan-Kerajaan Negeri diminta mempercepatkan prosedur dan cuba menurunkan kos tanah.

Menurutnya, mesyuarat MT juga membincangkan pelbagai garis panduan bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri mengambil tindakan dalam usaha pembangunan di negeri masing-masing.

Katanya, garis panduan itu banyak menyentuh bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam hal-hal tanah.

Perdana Menteri berkata selain itu, beliau juga sudah menegaskan tugas Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi menjayakan projek pembangunan dan Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Menurutnya, beberapa tindakan bagi memulihkan pertumbuhan ekonomi yang lembap sekarang juga diterangkan kepada anggota-anggota MT.

Katanya, ahli-ahli berbincang dengan panjang lebar mengenai perkara itu dan bersetuju melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Haji Sanusi Junid, berkata semua ahli MT hadir kecuali Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam dan Bendahari Agung, Encik Daim Zainuddin.